

# Bersederhana, erat silaturahmi sambut Aidilfitri

Kita sering dinasihatkan supaya tidak membazir dalam membuat persiapan menyambut Aidilfitri. Justeru, persoalan yang mungkin timbul ialah, bagaimanakah 'ala kadar' yang dimaksudkan selari dengan tuntutan agama?

Sesuai dengan sifat perayaan, yang sinonim dengan keseronokan dan kegembiraan, umat Islam seboleh mungkin cuba untuk membuat sesuatu yang boleh mengujakan. Antaranya menziarahi ibu bapa dan sanak saudara, menghidang makanan yang enak dan lazat untuk tetamu yang bertandang, berpakaian baru dan cantik serta menghias kediaman.

Bagaimana pun caranya, takrifan kegembiraan adalah berbeza. Ada yang gembira apabila bercuti ke luar negara sepanjang cuti perayaan, tidak kurang pula yang seronok berlibur di kota bersama keluarga. Hakikatnya, Islam tidak membataskan cara, selagi ia tidak bertentangan syariat.

Yang paling utama adalah kewajipan yang harus dilakukan oleh setiap umat Islam, iaitu membayar zakat fitrah. Walaupun tidak melampaui batas dalam perbelanjaan untuk menyambut perayaan, tetapi sekiranya tidak menunaikan zakat fitrah, sudah pastilah kita tergolong dalam kalangan mereka yang melanggar syariat. Allah SWT berfirman dalam Surah Huud, ayat 112 bermaksud: *"Oleh itu, hendaklah engkau wahai Muhammad sentiasa teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan hendaklah orang yang*

*rujuk kembali kepada kebenaran ikut berbuat demikian dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah, sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan".*

Yang kedua ialah tidak bermegah-megah dengan apa yang disediakan untuk menyambut perayaan. Walaupun kita tidak berbelanja terlalu mewah, tetapi sekiranya yang sedikit itu menjadikan kita riak dan sombong, ia tidak bermakna kita bebas daripada belenggu dosa dan maksiat kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Israk, ayat 26 dan 27 yang mafhumnya: *"Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang yang boros itu saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya."*

Sekiranya kita ingat bahawa tujuan menyambut Aidilfitri adalah untuk meraikan kejayaan menunaikan ibadah puasa dengan penuh rasa takwa dan keinsafan, tentulah kita tidak akan menjadikan hari raya sebagai hari untuk mengurangkan pahala yang dikutip sepanjang Ramadan. Sebaliknya, kita cuba sedaya upaya untuk memulakan bulan baru seusai Ramadan, iaitu Syawal dengan sebaik-baik amalan.

Justeru, malam Syawal hendaklah dihidupkan dengan laungan takbir, bacaan al-Quran, zikir, doa dan munajat kepada Allah SWT. Pemimpin masyarakat dan juga rumah tangga haruslah mengambil peluang ini untuk memimpin rakyat, isteri dan anak-anak berjemaah menunaikan solat dan memuji Allah.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran ayat 133 bermaksud: *"Dan segeralah kamu kepada mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang yang bertakwa".*

Antara kesilapan yang sering dilakukan ialah apabila malam Syawal diraikan dengan letupan meruncun dan bunga api yang bersahutan sehingga mengganggu mereka yang sedang solat ataupun bertakbir. Ada pula yang ghairah di lebuhraya, meluncurkan kenderaan dengan laju tanpa mengambil kira soal keselamatan diri sendiri dan orang lain, sedangkan berhempah dalam pemanduan adalah antara akhlak yang dianjurkan oleh Islam.

Tidak kurang juga yang sibuk membuat persiapan di dapur sehingga melengah-lengahkan solat, apatah lagi apabila kaum keluarga sudah berkumpul.

Tentulah kita tidak dilarang mem-

berikan kegembiraan kepada anak-anak selagi tidak bertentangan dengan syariat. Kesempatan ini patut kita ambil untuk menerangkan kepada mereka mengenai 'kegembiraan' yang patut diamalkan oleh umat Islam.

Antaranya ialah dengan memeriahkan rumah ibadah pada malam Syawal mengeratkan silaturahmi sesama saudara seagama. Selain dari itu, kita juga akan terus dapat mengumpul pahala sunat dengan bertakbir dan berzikir.

Supaya kita tidak melampaui batas, adalah lebih baik sekiranya sebarang persiapan dilakukan lebih awal supaya kita tidak terlalu sibuk sehingga ketinggalan dalam melakukan ibadah sunat yang dianjurkan agama pada malam dan pagi Syawal seperti mandi sunat, memakai bauan (lelaki), menggunting rambut, memotong kuku, bersarapan dan sebagainya seperti yang dianjurkan Rasulullah SAW ketika hayat baginda sebelum keluar menunaikan solat sunat Aidilfitri.

Amalan ziarah pula adalah antara yang terbaik yang harus dilakukan pada hari raya. bagi menghubungkan dan mengeratkan silaturahmi sesama Muslim. Tetapi, jangan pula ziarah dicemari dengan perbuatan yang dilarang oleh agama seperti memakai pakaian yang mendedahkan aurat, bersalaman dengan bukan mahram, makan dan minum berlebihan serta meninggalkan solat.

Amalan bermaafan pula, sekali gus menjadi 'kadar' yang tepat untuk dinisbahkan kepada cara hidup Muslim sebenar.



**NIK SALIDA SUHAILA**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia